

# **PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN BAHAGIAN/AGENSI/PTJ DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**





# PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN BAHAGIAN/AGENSI/PTJ DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



*KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA*

Bahagian Akaun  
Aras 7, No. 26  
Jalan Tun Hussein, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya

# Kandungan

<u>KANDUNGAN</u>	<u>M/S</u>
PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA.....	1
<b>BAHAGIAN A - PENGURUSAN KEWANGAN AM</b>	
A.1 - Penurunan Kuasa.....	2
A.2 - Pemeriksaan Dalaman.....	3
A.3 - Pemeriksaan Mengejut.....	3
A.4 - Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun(JPKA)..	4
A.5- Pengesanan Teguran Audit.....	6
<b>BAHAGIAN B - PENGURUSAN BAJET</b>	
B.1 - Penyediaan Kerangka Keberhasilan.....	8
B.2 - Penyediaan Bajet.....	8
B.3 - Pengagihan Peruntukan.....	9
B.4 - Kelulusan Tambah/Pindah Peruntukan.....	9
B.5 - Pemantauan Bajet.....	12
B.6 - Analisis Bajet.....	13
<b>BAHAGIAN C - PENGURUSAN TERIMAAN</b>	
C.1 - Kawalan Borang Hasil.....	14
C.2 - Penerimaan Wang.....	16
C.3 - Perekodan Resit.....	20
C.4 - Penyata Pemungut.....	20
C.5 - Kemasukan Pungutan Ke Bank.....	21

<b><u>KANDUNGAN</u></b>	<b><u>M/S</u></b>
C.6 - Penyerahan Dokumen Audit Terimaan.....	25
C.7 - Penyata Penyesuaian Hasil.....	25
C.8 - Cek Tak Laku (CTL) .....	26
C.9 - Pulangan Balik Hasil.....	27
C.10 - Akaun Belum Terima (ABT).....	27
<b>BAHAGIAN D - PENGURUSAN PEROLEHAN</b>	
D.1 - Perancangan Perolehan.....	29
D.2 - <i>Government Procurement Information System (GPIS)</i> .....	29
D.3 - ePerolehan.....	30
D.4 - Kaedah Perolehan.....	31
<b>BAHAGIAN E - PENGURUSAN PERBELANJAAN</b>	
E.1 - Pengurusan Bayaran.....	43
E.2 - Buku Vot.....	50
E.3 - Penyata Penyesuaian Perbelanjaan.....	51
<b>BAHAGIAN F - PENGURUSAN AMANAH</b>	
F.1 - Pendahuluan Diri.....	53
F.2 - Pendahuluan Diri Terlebih Emolumen.....	54
F.3 - Pendahuluan Diri Pelbagai.....	55
F.4 - Deposit.....	56
F.5 - Akaun Amanah.....	58
<b>BAHAGIAN G - PENGURUSAN DOKUMEN KEWANGAN</b>	
G.1 - Pengurusan Dokumen Kewangan.....	60

# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



Buku Panduan Pengurusan Kewangan ini bertujuan memberi panduan ringkas serta rujukan berhubung tatacara pengendalian dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam Pengurusan Kewangan kepada Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pegawai-pegawai di PTJ/Pejabat Pemungut (PP) di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dalam Pengurusan Kewangan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bahagian Akaun atas inisiatif murni ini.

Penghasilan buku panduan ini merupakan salah satu inisiatif Bahagian Akaun dalam usaha meningkatkan prestasi dan kecekapan pegawai kewangan seterusnya membantu mengekalkan kecemerlangan dalam aspek Pengurusan Kewangan MOT secara keseluruhan.

Panduan Pengurusan Kewangan ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pegawai di PTJ/PP dalam memastikan Peraturan Kewangan dipatuhi dan dilaksanakan secara berhemat, cekap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim**

## BAHAGIAN A: PENGURUSAN KEWANGAN AM

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
A.1	<b><u>PENURUNAN KUASA</u></b>	AP 11, AP 53 & AP101			
1	<p>Diberi kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan secara bertulis oleh Pegawai Pengawal termasuk:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyedia, menyemak, mengesah dan memperakui baucar bayaran, baucar jurnal serta had-had kuasa meluluskan perbelanjaan.</li> <li>• Melaksanakan urusan kutipan (urusan kutipan secara manual atau elektronik) atau melalui sistem.</li> </ul>				✓
2	Surat Penurunan Kuasa dikemaskini setiap kali pertukaran pegawai dan pembatalan kuasa/ had capaian bagi pegawai yang tidak lagi bertugas atau tidak lagi mempunyai kuasa kewangan.				✓
3	Rekod dan fail Surat Penurunan Kuasa disimpan dengan teratur.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
A.2	<b><u>PEMERIKSAAN DALAMAN</u></b>	AP 308 & Kawalan Dalaman			
1	Pemeriksaan dalaman dijalankan dari semasa ke semasa atau sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Ketua Jabatan /Pegawai yang dilantik.				✓ (sekurang-kurang sekali setahun)
2	Pemeriksaan (selain AP309) ke atas sebahagian/keseluruhan kewajipan kewangan/perakaunan termasuk perakaunan aset awam bagi memastikan prosedur difahami dan diikuti.				✓
3	Hasil pemeriksaan direkodkan di dalam Buku Pemeriksaan Mengejut.				✓
A.3	<b><u>PEMERIKSAAN MENGEJUT</u></b>	AP 309			
1	Dijalankan oleh Ketua Jabatan /Pengarah Negeri / Ketua Cawangan.				✓ (tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan)
2	Dijalankan secara berkala atau tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan.				

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Pemeriksaan ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang, setem, <i>franking machine</i> , AR Register dan lain-lain item yang berharga.				✓ (tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan)
4	Hasil pemeriksaan direkodkan di dalam Buku Pemeriksaan Mengejut.				✓
A.4	<b><u>JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)</u></b>	1PP-PS 5.1 & Kawalan Dalaman			
1	JPKA ditubuhkan di Peringkat Kementerian, Jabatan Persekutuan di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan PTJ.				✓ (sukuan)
2	Keahlian JPKA adalah seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling.				
3	JPKA bertanggungjawab bagi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengurusan Bajet;</li> <li>ii. Pengurusan Perakaunan;</li> <li>iii. Pengurusan Perolehan;</li> <li>iv. Pengurusan Aset dan Stor; dan</li> <li>v. Prestasi Perbelanjaan Peruntukan dari Badan Berkanun Persekutuan.</li> </ul>				



BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
4	Mesyuarat diadakan setiap tiga (3) bulan sekali.				✓ (sukuan)
5	Mesyuarat di peringkat Jabatan /PTJ diadakan terlebih dahulu sebelum mesyuarat di peringkat Kementerian. Disyorkan mesyuarat diadakan selepas setiap suku berakhir seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Minggu Pertama : PTJ</li> <li>ii. Minggu Kedua : Negeri</li> <li>iii. Minggu Ketiga : Ibu Pejabat</li> <li>iv. Minggu Keempat : Kementerian</li> </ul>				
6	Kandungan minit mesyuarat mengandungi perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan seperti perkara A.4.3.				

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
7	Kementerian/Jabatan mengemukakan Laporan JPKA kepada Perbendaharaan menggunakan format Lampiran B dengan tarikh akhir penyerahan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Laporan Suku Pertama - 15 Mei.</li> <li>ii. Laporan Suku Kedua - 15 Ogos.</li> <li>iii. Laporan Suku Ketiga - 15 November.</li> <li>iv. Laporan Suku Keempat - 1 Mac.</li> </ul>				✓ (sukuan)
8	PTJ mengemukakan Laporan Suku Tahun kepada Kementerian /Jabatan menggunakan format seperti Lampiran C di dalam Pekeliling.				
9	JKPAK diadakan sebelum JPKA diadakan.				
<b>A.5</b>	<b><u>PENGESANAN TEGURAN AUDIT</u></b>	Kawalan Dalaman			
1	Menyelenggara Rekod/ Daftar Pertanyaan Audit.				✓
2	Pertanyaan Audit dijawab dalam tempoh ditetapkan.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Tindakan sewajarnya telah diambil bagi Pertanyaan Audit.				✓

## BAHAGIAN B: PENGURUSAN BAJET

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
<b>B.1</b>	<b><u>PENYEDIAAN KERANGKA KEBERHASILAN</u></b>	1PP-PB 1.3			
1	Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMF) disedia dan disahkan oleh Ketua Aktiviti melalui aplikasi My Result di peringkat Kementerian/Jabatan /PTJ.				✓
2	Kerangka Pengurusan Prestasi Program (PPMF) disemak dan disahkan oleh Ketua Program melalui aplikasi My Result di peringkat Kementerian/Jabatan /PTJ.				✓
<b>B.2</b>	<b><u>PENYEDIAAN BAJET</u></b>	1PP-PB 1.1			
1	Permohonan bajet dikemukakan kepada Ibu Pejabat /Kementerian mengikut tempoh yang ditetapkan pada setiap tahun.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
<b>B.3</b>	<b><u>PENGAGIHAN PERUNTUKAN</u></b>				
1	Waran Peruntukan Kecil bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dikeluarkan dengan segera kepada PTJ tidak lewat daripada 31 Januari tahun kewangan berkenaan.	1PP-PB 1.2			✓
2	Buku Vot dikemaskini dengan mengambil kira semua peruntukan yang diagihkan.	AP 95			✓
<b>B.4</b>	<b><u>KELULUSAN TAMBAH/PINDAH PERUNTUKAN</u></b>				
<b>B.4.1</b>	<b><u>PERBELANJAAN MENGURUS</u></b>	1PP - PB 2.6			
1	Waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis bagi perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Di antara Objek Am di dalam Aktiviti yang sama.</li> <li>ii. Di antara Aktiviti di dalam Program yang sama.</li> <li>iii. Di antara Program.</li> </ul>				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
2	Kelulusan Perbendaharaan telah diperoleh sebelum waran pindah peruntukan ditandatangani bagi perkara berikut: i. Daripada Objek 10000 Kepada Objek Am Lain. ii. Yang melibatkan Dasar Baru atau <i>One Off</i> . iii. Yang melibatkan Peruntukan Badan Berkanun.				✓
3	Semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada JANM selepas diluluskan atau tidak lewat daripada 31 Disember tahun kewangan berkenaan. (Tindakan BPK, MOT)				✓
4	Pindah Peruntukan direkodkan dengan tepat dan lengkap dalam Buku Vot.				✓
<b>B.4.2</b>	<b><u>PERBELANJAAN</u></b> <b><u>PEMBANGUNAN</u></b>	1PP - PB 2.5			
1	Waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sahaja.				✓
2	Pindah peruntukan melebihi 50% daripada peruntukan tahunan asal telah mendapat kelulusan Perbendaharaan.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Tiada pindah peruntukan melebihi siling rancangan pembangunan lima (5) tahun semasa bagi sesuatu butiran.				✓
4	<p>Kelulusan Perbendaharaan telah diperoleh sebelum pindah peruntukan bagi perkara-perkara berikut dibuat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan.</li> <li>ii. Pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan.</li> <li>iii. Pindah peruntukan ke atas butiran yang tidak disediakan sebarang peruntukan.</li> <li>iv. Pindah peruntukan ke atas butiran yang disediakan peruntukan tetapi pelaksanaannya ditangguhkan.</li> </ul>				✓
5	Semua waran pindah peruntukan dan salinannya dikemukakan kepada pihak - pihak yang berkenaan tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh waran ditandatangani.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
6	Semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada JANM selepas diluluskan atau tidak lewat daripada 31 Disember tahun kewangan berkenaan.				✓
7	Pindah peruntukan direkodkan dengan tepat dan lengkap dalam buku vot.				✓
<b>B.5</b>	<b><u>PEMANTAUAN BAJET</u></b>	<b>1PP - PB 1.2</b>			
1	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan yang disahkan oleh Pegawai Pengawal dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 hb setiap permulaan suku tahun (Januari, April, Julai dan Oktober). (Tindakan BPK, MOT)				✓
2	Unjuran Keperluan Aliran Tunai Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan Tahun Kewangan 2XXX (tahun berikut) dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 30 Disember tahun semasa. (Tindakan BPK, MOT)				✓
3	Laporan Perbelanjaan Bulanan dikemukakan oleh PTJ kepada BPK, MOT setiap bulan.			✓	



BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
<b>B.6</b>	<b><u>ANALISIS BAJET</u></b>	Kawalan Dalaman			
1	Perbelanjaan dibuat mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan dan tidak melebihi peruntukan keseluruhan.				✓
2	Peruntukan yang diterima telah dibelanjakan mengikut maksud yang diluluskan.				✓
3	Peruntukan tambahan/khas/ Luar jangka/viremen telah dibelanjakan.				✓

## BAHAGIAN C: PENGURUSAN TERIMAAN

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
<b>C.1</b>	<b><u>KAWALAN BORANG HASIL</u></b>				
1	Borang-borang hasil seperti Resit Rasmi, lesen atau tiket selain daripada yang ditetapkan oleh AP hendaklah mendapat kelulusan dari Jabatan Akauntan Negara.	AP 70 & AP 91			✓
2	Borang-borang hasil perlu direkodkan dengan kemas kini ke dalam Daftar Borang-borang Hasil Yang Dikawal.	AP 63 & AP 67	✓		
3	Borang-borang hasil perlu dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul.	AP 66 & SPANM Bil. 13/2014	✓		
4	Memastikan baki stok borang-borang hasil di daftar bersamaan dengan baki sebenar.	AP 66 & AP 67	✓		
5	Borang-borang hasil yang belum digunakan mestilah disimpan di tempat yang dikunci dengan selamat.	AP 68	✓		

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
6	Buku Resit yang diterima hendaklah disemak dan diperaku betul tentang ketepatan nombor siri di belakang helaian pertama Buku Resit (di Buku Resit salinan pejabat).	AP 66			✓
7	Stok borang hasil disemak oleh kedua-dua pegawai yang menyerah dan mengambil alih serta disenaraikan dalam Penyata Borang Hasil Yang Kawal (Lampiran N) semasa pertukaran pemungut.	AP 66A			✓
8	Menyemak borang-borang hasil yang dikeluarkan daripada stok sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pemungut atau wakilnya untuk memastikan tepat dengan resit yang belum digunakan (satu Daftar/ Rekod Semakan Borang Hasil disediakan).	AP 80(c)			✓ (setiap minggu)
9	Borang hasil yang hilang dilaporkan dengan segera.	AP 300 & AP 315-324			✓
10	Borang hasil yang usang atau tidak boleh digunakan dimusnahkan dengan mendapat kelulusan daripada Ketua Audit Negara.	AP 299			✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
C.2	<u>PENERIMAAN WANG</u>				
C.2.1	<u>KEBENARAN /KELULUSAN MENERIMA WANG</u>				
1	Kebe­naran secara bertulis dikeluarkan oleh Pemungut /Ketua Jabatan/Ketua Cawangan kepada pegawai yang menerima wang, menulis resit dan menandatangani resit.	AP 69			✓
2	Fail Kebe­naran Menerima Wang diselenggara.	AP 69			✓
3	Hasil dikutip mengikut kadar yang dibenarkan.	Akta Fi 1951	✓		
4	Resit Rasmi yang dikeluarkan mendapat kelulusan Akauntan Negara Malaysia terlebih dahulu bagi menggunakan sistem bermesin atau elektronik.	AP 70 & AP 91			✓
5	Memastikan pegawai yang berasingan ditugaskan untuk menerima wang dan menyelenggarakan rekod hasil.	AP 73	✓		
6	Kebe­naran daripada Akauntan Negara/Akauntan Negeri jika pegawai yang menerima wang juga bertindak di dalam penyelenggaraan rekod hasil.	AP 73(i)			✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
7	Kebenaran bertulis diberikan kepada pegawai yang ditugaskan untuk mencatat dalam Buku Tunai.	AP 73			✓
8	Tugas mengeluarkan resit iaitu menyedia resit (menerima dan menulis resit) dan menandatangani resit hendaklah dilaksanakan oleh pegawai yang berlainan.	AP 70(a)	✓		
9	Kebenaran diperolehi daripada Akauntan Negara / Akauntan Negeri sekiranya urusan pengeluaran/penyediaan resit dilakukan oleh pegawai yang sama.	AP 70(a)			✓
<b>C.2.2</b>	<b><u>PENERIMAAN WANG DI KAUNTER /PEJABAT</u></b>				
1	Resit Rasmi dikeluarkan dengan segera bagi semua kutipan.	AP 60	✓		
2	Perlu memaparkan notis yang mudah dilihat kepada orang awam bagi mendapatkan resit setelah berurusan.	AP 61			✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Resit Rasmi salinan elektronik dicap asal dan diperaku sah oleh Ketua Jabatan sekiranya Resit Rasmi Asal tidak dapat dikeluarkan atas sebab-sebab teknikal.	SPANM Bil.13/2014			✓
4	Resit Rasmi yang rosak dan tidak boleh dikeluarkan hendaklah dibatalkan.	AP 62			✓
5	Resit yang dibatalkan berserta salinannya hendaklah disimpan dengan teratur bagi tujuan pengauditan.	AP 62			✓
6	Memastikan Resit Rasmi dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis.	AP 62			✓
<b>C.2.3</b>	<b><u>PENERIMAAN MELALUI MEL</u></b>				
1	Daftar Mel/Laporan Mel perlu diselenggara dengan lengkap dan kemaskini.	AP 71	✓		
2	Daftar Mel/Laporan Mel diselenggara oleh pegawai yang berbeza atau selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit.	AP 71	✓		

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Daftar Mel/Laporan Mel hendaklah diperiksa setiap hari dengan Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.	AP 71	✓		
4	Daftar Mel perlu mengandungi butir-butir tarikh cek diterima, nama pengirim, nombor cek, amaun, perihal surat, tandatangan pembuka mel dan nombor resit yang dikeluarkan.	AP 71	✓		
5	Resit bagi penerimaan hasil melalui mel perlu dikeluarkan pada hari yang sama.	AP 71	✓		
6	Memastikan resit dikeluarkan dan dicatatkan pada Daftar Mel.	AP 71	✓		
<b>C.2.4</b>	<b><u>PENERIMAAN MELALUI EFT</u></b>	SPANM Bil.13/2014			
1	Sedia Resit Rasmi apabila menerima notis e-maklum/surat makluman daripada Pejabat Perakaunan.				✓
2	Resit Rasmi disokong dengan e-maklum/surat makluman daripada Pejabat Perakaunan.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Jika notis e-maklum tidak diterima, pengesahan daripada Pejabat Perakaunan diperolehi sebelum Resit Rasmi disediakan.				✓
4	Tarikh Resit Rasmi adalah tarikh notis e-maklum atau tarikh surat makluman diterima.				✓
<b>C.3</b>	<b><u>PEREKODAN RESIT</u></b>				
1	Setiap resit perlu direkodkan dalam Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik pada hari yang sama.	AP 72	✓		
2	Senarai resit rasmi batal dijana oleh sistem.	AP 72	✓		
3	Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memeriksa/ menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat dalam Buku Resit Rasmi dan lesen, Buku Tunai dan buku-buku akaun yang lain atau laporan-laporan yang dijana secara elektronik.	AP 65	✓		
<b>C.4</b>	<b><u>PENYATA PEMUNGUT</u></b>	AP 79 & SPANM Bil.13/2014			
1	Penyata Pemungut disediakan apabila pungutan hendak dibankkan.		✓		



BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
2	Penyata Pemungut elektronik di Peraku I sebelum pungutan dibankkan.		✓		
3	Perakuan II Penyata Pemungut elektronik dibuat sebelum/ setelah pungutan dibankkan.		✓		
4	Tandatangan ringkas diturunkan bersebelahan jumlah cetakan bank/pada tarikh yang dicap oleh bank setelah Penyata Pemungut disemak.	SPANM Bil.13/2014	✓		
5	Penyata Pemungut difailkan dengan teratur.	AP 79	✓		
6	Penyata Pemungut hendaklah diakaunkan pada kod hasil yang betul.	AP 79	✓		
<b>C.5</b>	<b><u>KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK</u></b>				
1	Kutipan tunai melebihi RM500.00 dimasukkan ke bank pada hari yang sama atau pada hari bekerja berikutnya sekiranya pungutan lewat diterima.	AP 78	✓		

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
2	Kutipan termasuk tunai, cek, wang pos dan lain-lain yang melebihi RM2,000.00 dimasukkan ke bank pada hari yang sama atau pada hari bekerja berikutnya sekiranya pungutan lewat diterima.	AP 78	✓		
3	Pungutan tanpa mengambil kira jumlah, perlu dimasukkan ke bank pada hari terakhir bekerja dalam bulan tersebut.	AP 78	✓		
4	Pungutan yang tidak sempat dimasukkan ke bank hendaklah disimpan dengan selamat dalam peti besi.				✓
5	Mematuhi peraturan kawalan keselamatan penghantaran wang ke bank.	AP 137	✓		
6	Setiap kemasukan wang ke bank hendaklah dicatatkan ke dalam Buku Tunai pada hari yang sama.	AP 79(b)	✓		
7	Pungutan yang telah dimasukkan ke bank ( <i>bank in</i> ) diakui terima oleh bank dengan segera.	AP 80(d)	✓		

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
C.5.1	<u>Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Cash In Transit (CIT)</u>	AP 136(c) & Kawalan Dalaman			
1	Salinan kontrak CIT disimpan oleh Pejabat Pemungut.				✓
2	Kutipan tunai dikira oleh juruwang di hadapan seorang pegawai yang lain, wang diasingkan dan diikat mengikut denominasi ke dalam karung CIT yang mempunyai kunci/ <i>seal</i> .		✓		
3	Resit Serahan daripada syarikat kawalan keselamatan CIT ditandatangani oleh kedua-dua juruwang dan wakil CIT dan resit tersebut dikembalikan bersama karung kutipan kepada wakil CIT.		✓		
4	Resit Serahan asal direkodkan dan difailkan.		✓		
5	Penyata Pemungut bersama kutipan dikemukakan ke bank.		✓		
6	Ciri-ciri keselamatan dipraktikkan semasa urusan CIT.		✓		

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
C.5.2	<u>PETI BESI/BILIK KEBAL</u>				
1	Peti besi/Bilik kebal perlu mempunyai dua (2) kunci berlainan/nombor kombinasi yang berlainan.	AP 125 & SPANM Bil.13/2014			✓
2	Kod nombor kombinasi ditukar oleh kedua-dua orang pegawai yang bertanggungjawab setiap enam (6) bulan sekali atau setiap kali terdapat pertukaran pegawai.	AP 129A & SPANM Bil.13/2014		✓ (6 bulan sekali)	
3	Kuasa secara bertulis perlu diperolehi dari Ketua Jabatan bagi pegawai yang memegang kunci/nombor kombinasi peti besi tersebut.	AP 125			✓
4	Semua wang tunai, cek, setem, buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang-barang berharga yang diterima perlu disimpan dalam peti besi.	AP 126	✓		
5	Kunci ganti disimpan dengan selamat.	AP 129			✓
6	Laporan perlu disediakan dan dihantar ke Ketua Jabatan sekiranya kunci peti besi berkaitan hilang.	AP 130			✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
<b>C.6</b>	<b><u>PENYERAHAN DOKUMEN AUDIT TERIMAAN</u></b>				
1	Dokumen Audit Terimaan diserahkan kepada BA, MOT dengan lengkap dan tidak lewat daripada 10 haribulan bulan berikutnya.	AP 145		✓	
2	Jika tiada kutipan dalam tempoh tersebut, Kew. 253, Kew. 68 dan Buku Tunai yang menunjukkan "Tiada Terimaan" dikemukakan kepada BA, MOT tidak lewat daripada 10 haribulan bulan berikutnya.	SPANM Bil.13/2014		✓	
<b>C.7</b>	<b><u>PENYATA PENYESUAIAN HASIL</u></b>				
1	Laporan Terperinci Hasil Bulanan melalui e-Laporan JANM dicetak dan disesuaikan dengan Buku Tunai manual/elektronik setiap bulan.	AP 143(b) & SPANM Bil.13/2014		✓	
2	Laporan tersebut dicap tarikh terima /tarikh cetak.	Kawalan Dalaman		✓	
3	Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan lengkap, tepat dan betul serta disahkan.	AP 143(b)		✓	
4	Pelarasan dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan.	SPANM Bil.13/2014			✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
5	Transaksi yang tidak dapat disesuaikan di dalam Penyata Penyesuaian disiasat dan diambil tindakan segera.	SPANM Bil.13/2014			✓
6	Penyata Penyesuaian Hasil perlu dikemukakan ke JANM (Neg/Caw)/BA dalam masa 14 hari dari tarikh Laporan Terperinci Hasil Bulanan dimuatnaik.	AP 143 & SPANM Bil.13/2014		✓	
7	Sijil Pengesahan Akaun Hasil disediakan sekiranya baki Buku Tunai dan baki Laporan Terperinci Hasil Bulanan adalah sama.	SPANM Bil.13/2014		✓	
<b>C.8</b>	<b><u>CEK TAK LAKU (CTL)</u></b>	<b>1PP-WP 10.6 &amp; SPANM Bil.13/2014</b>			
1	Daftar CTL diselenggara dengan lengkap dan dikemaskini.				✓
2	Pelarasan CTL dibuat di dalam Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik.				✓
3	Tindakan diambil untuk mendapatkan semula kutipan CTL.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
<b>C.9</b>	<b><u>PULANGAN BALIK HASIL</u></b>	Pindaan AP 87(b)			
1	<p>Kelulusan Pulangan Balik Hasil daripada Pegawai Pengawal atau Ketua Setiausaha Perbendaharaan berdasarkan amaun seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan Pegawai pengawal bagi amaun sehingga RM50,000.</li> <li>• Kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi amaun melebihi RM50,000.</li> </ul>				✓
2	Kelulusan permohonan Pulangan Balik Hasil beserta dokumen lengkap dikemukakan ke JANM (Neg/Caw)/BA untuk proses pembayaran atau pelarasan.				✓
<b>C.10</b>	<b><u>AKAUN BELUM TERIMA (ABT)</u></b>				
1	Rekod ABT diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	1PP-WP 10.6			✓
2	Laporan ABT dikemukakan kepada BPK, MOT setiap bulan.	Kawalan Dalaman		✓	

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Laporan ABT dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.	1PP-WP 10.6			✓ (6 bulan sekali)
4	Tindakan susulan diambil terhadap ABT yang tertunggak.	1PP-WP 10.3			✓
5	Kemukakan permohonan hapus kira bagi ABT yang telah melebihi enam (6) tahun/tiada kemungkinan boleh didapatkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai hapus kira tidak lebih daripada RM25,000.00 bagi satu (1) akaun diluluskan oleh Pegawai Pengawal.</li> <li>• Nilai hapus kira lebih daripada RM25,000.00 bagi satu (1) akaun diluluskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.</li> </ul>	AP 327-328 & 1PP-WP 10.3			✓
6	Amaun ABT yang telah dihapus kira dilaporkan di dalam Laporan ABT.	1PP-WP 10.3			✓



## BAHAGIAN D: PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
D.1	<b><u>PERANCANGAN PEROLEHAN</u></b> (Peringkat Ibu Pejabat)	1PP-PK 1 & 1PP-PK 2			
1	Perancangan Perolehan Tahunan dikemukakan kepada Kementerian/Perbendaharaan mengikut format dan dalam tempoh yang ditetapkan.				✓ (tahunan)
2	Jadual Umum disediakan untuk semua urusan Tender/Sebut Harga yang hendak dilaksanakan.				✓
3	Jadual Pelaksanaan khusus untuk setiap tender/sebut harga disediakan.				✓
D.2	<b><u>GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM (GPIS)</u></b>	1PP-PK 1			
1	GPIS telah dilaksanakan.				✓ (perlu dilaksanakan)
2	Semua kategori perolehan telah didaftarkan di dalam GPIS.				✓ (perlu dilaksanakan)

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
3	Penyelia dilantik untuk menyemak dan memantau kemasukan dan kesahihan data yang direkodkan dalam GPIS.				✓ (perlu dilaksanakan)
4	Laporan Perolehan dikemukakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun mengikut tempoh ditetapkan.				✓ (sukuan)
<b>D.3</b>	<b><u>ePEROLEHAN</u></b>	<b>1PP-PK 5</b>			
1	Pasukan Petugas Kementerian/Pasukan Pelaksana Agensi hendaklah ditubuhkan.				✓
2	Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian/Pasukan Pelaksana Agensi perlu diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.				✓
3	Penggunaan dan pelaksanaan sistem ePerolehan di peringkat Kementerian dilaporkan kepada Unit ePerolehan.				✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
4	Prestasi pelaksanaan ePerolehan di peringkat Jabatan/Agensi hendaklah dilaporkan kepada Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian.				✓
5	Kementerian/Jabatan perlu mencapai 75% daripada jumlah perbelanjaan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui ePerolehan.				✓
<b>D.4</b>	<b><u>KAEDAH PEROLEHAN</u></b>				
<b>D.4.1</b>	<b><u>PEMBELIAN TERUS</u></b>				
1	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/ perkhidmatan tidak melebihi RM20,000.00 setahun.	AP 173.1 & 1PP-PK 2			✓
2	Pembelian terus dibuat bagi kerja requisition yang menggunakan Jadual Kadar Harga tidak melebihi RM50,000.00 setahun.	AP 173.1			✓
3	Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu dengan lengkap dan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa sebelum bekalan/ perkhidmatan diterima.	AP 176.1(d)			✓

BIL	PERKARA	PERATURAN	PELAKSANAAN		
			HARIAN	BULANAN	MENGIKUT KEPERLUAN
4	Satu rekod mengenai Pembelian Terus dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap tiga (3) bulan.	1PP-PK 2			✓ (setiap 3 bulan)
5	Kajian pasaran dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	1PP-PK 2			✓
6	Tidak membuat pecah kecil perolehan tahunan.	1PP-PK 2			✓
<b>D.4.2</b>	<b><u>SEBUT HARGA MELEBIHI RM20,000.00 HINGGA RM50,000.00</u> (Bekalan &amp; Perkhidmatan)</b>				
